

# Dr Helen terima Anugerah Kesatria Puteri

UB 27.11.2012 A2

**KUALA LUMPUR:** Prof Madya Dr Helen Benedict Lasimbang adalah orang Sabah di antara 12 penerima Anugerah Kesatria Puteri sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam bidang masing-masing.

Dr Helen berusia 46 tahun yang berasal dari Penampang dianugerahkan pengiktirafan itu berdasarkan sumbangan dalam bidang perubatan di samping membantu komuniti luar bandar dengan aktiviti yang berkaitan dengan misi Mercy Malaysia Sabah.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyerahkan anugerah itu kepada Dr Helen di bawah kategori Perubatan pada majlis Himpunan Wanita Muda Negara 2012 yang diadakan di Dewan Tun Razak 1 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pada Ahad lalu.

Majlis yang julung kali diadakan itu turut mendapat kerjasama Puteri Umno dengan pelbagai organisasi bukan kerajaan belia muda wanita serta I.D.E.A (Inspiration, Dedication, Expression, Aspiration) yang dipengerusikan oleh Ketua Puteri Umno Malaysia merangkap Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Dr Helen adalah graduan daripada Universiti Malaya yang memulakan kerjayanya sebagai seorang pegawai perubatan di Hospital Queen Elizabeth pada tahun 1991. Minat mendalamnya dalam bidang obstetrician dan gynecology menggalakkan beliau melanjutkan pelajaran peringkat Ijazah Sarjana di universiti yang sama.

Kini, beliau adalah seorang pensyarah perubatan dan juruperunding di Jabatan Obstetrics dan Gynecology di bawah fakulti perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau mengaplikasikan kepakaran dalam bidang perubatan dengan berkhidmat untuk komuniti tempatan di kawasan pedalaman. Usahanya dapat dilihat apabila penyertaannya dalam kerja-kerja sukarela bersama Mercy Malaysia Sabah.

Dr Helen tidak pernah gagal menjalankan tugas sukarela dan kebajikan sebagai pegawai perubatan di kawasan pedalaman Sabah yang hanya boleh dihubungi menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan bot.

Beliau yang merupakan anak keenam daripada 12 adik-beradik percaya bahawa adalah wajar pengetahuannya digunakan ke atas mereka yang memerlukan



**DRHELEN (kanan) menerima anugerah daripada Najib (tiga kiri) sambil diperhatikan oleh Rosmah (dua kiri) dan Rosnah (tiga kanan).**

bantuan.

Seramai 11 wanita lain yang menerima anugerah itu dalam kategori yang berlainan adalah seperti Kapten Norashikin Onn (Kerjaya), Pandelega Rinong (Sukan), Norlina Alawi (Kerja Amal), Wan Norhayati Wan Alias (Kewartawanan), Dato' Farshila Emran (Koporat), Fione Tan (Keusahawanan), Roslinda Abd Majid (DJ Lin, Penyampai Radio), Datuk Siti Nurhaliza Tarudin (Seni), Jay Menon (Personaliti TV), Prof Datuk Dr Rohana Yusof (Pendidikan) dan Haniesah Lai (Orang Asal).

Anugerah tertinggi yang dikenali sebagai Anugerah Nusa Mahsuri yang diilhamkan oleh Datin Seri Rosmah Mansor dianugerahkan kepada Dato' Sri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di atas pencapaian cemerlang dan sumbangan terhadap kemanusiaan dan kerja amal komuniti sehingga peringkat antarabangsa.

Objektif utama program itu adalah bagi mengumpulkan wanita muda tanpa mengira latar belakang di negara ini untuk meneroka potensi diri dan peranan dalam membentuk pembangunan dan mendapat perubahan positif serta memeriahkan semangat patriotisme di

kalangan mereka.

Lebih 14,000 wanita muda daripada pelbagai NGO, institusi pengajian tinggi, golongan profesional dan kelab belia termasuk Puteri Umno dari semua negeri telah hadir di majlis itu.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluannya, Rosnah berkata sekumpulan wanita yang mempunyai pencapaian tinggi di negara ini memerlukan satu platform dan sokongan penuh untuk maju ke hadapan serta mentransformasikan negara ke arah mencapai wawasan 2020.

Beliau gembira mengetahui bahawa 31 peratus pembuat keputusan di negara ini adalah wanita yang sudah lama diiktiraf kerajaan yang mana setiap wanita itu diberi peluang untuk berjaya dalam bidang masing-masing.

Bancian pada 2009 menunjukkan bahawa daripada 28.3 juta rakyat Malaysia, 13.8 juta adalah wanita dan 6.5 juta adalah wanita yang berumur di antara 15 hingga 44.

Daripada 6.5 juta itu, Rosnah berkata lebih daripada 14,000 wanita telah hadir di majlis itu yang merupakan permulaan membina semangat persaingan di antara wanita untuk membawa transformasi menerusi inspirasi, dedikasi, aspirasi dan pendapat mereka.